

Interpol diminta bantu kesan cip mikro curi

Polis yakin peralatan RM50j dirompak 2 tahun lalu sudah dieksport

Bill 02/06/13 M/S 8

GEORGETOWN: Polis percaya cip mikro dan peralatan komputer bernilai RM50 juta yang dirompak di sebuah gudang di Kompleks Kargo Udara Kedua Batu Maung, dua tahun lalu sudah dieksport ke luar negara.

Sehubungan itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata pihaknya kini berusaha mendapatkan maklumat dan kerjasama dengan Interpol.

"Kita percaya sebahagian cip itu sudah dieksport. Bagaimanapun saya tidak boleh mendedahkan negara terbabit," katanya pada sidang media selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Kor Sukarelawan Polis Siswa dan Siswi (Suksis) 2008, di Universiti Sains Malaysia (USM), di sini, semalam.

Canselor USM, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan merasmikan majlis berkenaan. Turut hadir, Naib Canselor USM, Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak. Kira-kira 658 pegawai menyertai perbarisan itu.

Musa mengulas mengenai perkembangan kes kecurian cip mikro, dua tahun lalu, yang membabitkan nilai rompakan paling besar dalam sejarah negara.

Dalam kejadian pada 20 November 2006, antara 20 hingga 30 perompak bersenjatakan parang menyerang 17 pekerja sebuah gudang di kompleks itu dan memaksa mereka meminum sejenis bahan kimia sebelum melarikan cip mikro dan peralatan komputer bernilai RM50 juta.

Sehingga kini, cip mikro dan peralatan komputer belum ditemui, malah belum ada mana-mana pihak di hadapan ke mahkamah berkaitan kes berkenaan.

Mengulas lanjut, Musa berkata, polis masih menahan sekumpulan sus-



ANUGERAH: Tuanku Syed Sirajuddin menyampaikan hadiah kepada pelatih terbaik, Nurul Raihana Abu Bakar pada Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Kor Sukarelawan Polis Siswa-Siswi di USM, semalam. Turut hadir Musa (dua dari kiri).

pek disyaki ada kaitan dengan kes itu mengikut Ordinan Darurat kerana kekurangan bukti untuk mendakwa mereka.

"Setakat ini, kita tidak boleh mendakwa mereka kerana tidak mempunyai bukti dan hubungan dengan kes itu kerana sebahagian daripada bahan bukti sudah dieksport ke luar negara," katanya.

Dalam perkembangan lain, Musa berkata, polis masih menunggu maklumat daripada pihak berkuasa Sri Lanka berhubung dakwaan rakyat Malaysia terbabit dengan perancangan serangan bom di negara itu.

"Kita sedang menunggu perkembangan kes itu daripada rakan se-

“Setakat ini, kita tidak boleh dakwa mereka kerana tidak mempunyai bukti kerana sebahagian daripada bahan bukti sudah dieksport”

Musa Hassan
Ketua Polis Negara

jawab di Sri Lanka. Jika betul, kita akan bekerjasama dengan mereka," katanya yang enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Beliau mengulas laporan kerajaan Sri Lanka berhubung dakwaan ada pihak tertentu di Malaysia bersekongkol dengan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE).

Laporan itu memetik pegawai kanan polis Sri Lanka menyatakan enam orang disyaki anggota LTTE yang ditahan di Wattala bersama 2.7 kilogram bahan letupan jenis C4, mendakwa 'menunggu arahan pihak tertentu di Malaysia' untuk melaksanakan serangan bom di Colombo pada hari mereka ditahan.